

Golongan Yang Layak Dimasukkan Ke Dalam *Ahli Al-Sunnah Wa Al-Jamaah* (Aswj) Berdasarkan *Maslahah* Ummah

[Groups Eligible to Be Included in Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Based on the Maslahah of the Ummah]

Basri bin Ibrahim

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

Kampus Gong Badak,

21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),

02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia.

Email: Profbasri67@unisiraj.edu.my

Atif bin Che Adnan

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),

02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia.

Email:atifadnan@unisiraj.edu.my

Nik Faisal bin Nik Ismail

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),

02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia.

Email:nikfaisal@ unisiraj.edu.my

Article

Progress:

Submission date:

20-12-2025

Accepted date:

30/12/2025

ABSTRACT

Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) merujuk kepada golongan yang berpegang kepada sunnah Rasulullah SAW dan para sahabat serta dinyatakan sebagai golongan yang selamat, namun sepanjang perkembangan pemikiran Islam, pelbagai aliran seperti Salaf, Asya'irah, Maturidiyyah, Khawarij, Jabariyyah dan Syiah mendakwa diri mereka sebagai ASWJ, sekali gus menimbulkan kekeliruan dan polemik dalam kalangan masyarakat Islam. Artikel ini bertujuan menganalisis kriteria sebenar golongan yang layak digolongkan sebagai ASWJ berdasarkan pendekatan ilmiah dan sumber yang muktabar. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis dokumen dengan meneliti sumber primer dan sekunder seperti kitab tafsir, hadis, akidah serta bahan ilmiah berkaitan. Data dianalisis menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ASWJ merangkumi golongan yang berpegang teguh kepada asas keimanan dan Islam, menghidupkan sunnah Rasulullah SAW dan para sahabat serta menekankan prinsip al-jamaah tanpa terikat kepada label mazhab atau aliran tertentu. Perbezaan dalam isu cabang dan pendekatan metodologi tidak menafikan kedudukan mereka sebagai ASWJ. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih tepat dan

sederhana terhadap konsep ASWJ serta mengurangkan kekeliruan dan ketegangan dalam masyarakat Islam semasa.

Kata Kunci: *Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, Salaf, Asya'irah, Maturidiyyah, Wahabbiyah.*

PENDAHULUAN

Golongan ASWJ adalah golongan yang berjaya dan golongan yang mendapat pertolongan daripada Allah SWT sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW. Istilah ASWJ muncul apabila zahir bidaah pada akhir zaman sahabat seperti bidaah golongan Syiah, Qadariyyah dan Khawarij. Tokoh pertama yang menzahirkan istilah ini ialah Abdullah bin Abbas ketika mentafsirkan firman Allah SWT:

يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌُ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌُ فَأَمَّا الَّذِينَ اسْوَدَّتْ وُجُوهُهُمْ أَكْفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ
بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ

Maksudnya: *(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam. Adapun orang-orang yang telah hitam legam mukanya, (mereka akan ditanya secara menempelak): "Patutkah kamu kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu rasalah azab seksa neraka disebabkan kekufuran kamu itu".*

(Ali Imran (3):106)

Menurut Abdullah bin Abbas RA orang yang mukanya putih berseri ialah ASWJ manakala golongan yang mukanya hitam legam adalah golongan ahli bidaah (Ibn Kathir,1419H,2:79).

Akidah ASWJ merupakan akidah yang menjadi anutan majoriti umat Islam di dunia sekarang. Ia merupakan akidah yang dipegang oleh generasi para sahabat, tabiin dan orang-orang yang mengikut jejak langkah mereka dengan baik sehingga ke hari kiamat. Memandangkan golongan ahli al-Sunnah wa al-Jamaah merupakan satu-satunya golongan yang diterima oleh Rasulullah SAW, maka timbul usaha setiap pihak termasuk golongan Syiah untuk menyatakan mereka juga termasuk ke dalam golongan ASWJ.

Dewasa ini timbul sikap saling menafikan sebagai termasuk ke dalam golongan Ahli al-Sunnah sesama golongan ASWJ. Misalnya golongan yang beraliran salaf menafikan golongan yang beraliran Asya'irah dan Maturidiyah sebagai termasuk ke dalam erti kata golongan ASWJ. Sementara golongan yang beraliran Asya'irah dan Maturidiyah menafikan golongan yang beraliran salaf atau Hanabilah sebagai termasuk ke dalam golongan ASWJ. Jika diperhatikan perbezaan kedua-dua golongan ini sebenarnya tidak besar. Ia tidak membabitkan perkara-perkara besar dan asas akidah sebaliknya melibatkan isu-isu cabang akidah sahaja. Perbuatan menafikan golongan yang tidak sealaran sesama *Ahli al-Sunnah* sebagai bukan termasuk ke dalam golongan *Ahli al-Sunnah* sangat dikesali. Perkara ini sebenarnya bukanlah perkara baru, sebaliknya sudah lama berlaku dalam sejarah umat Islam. Ia berlanjutan sehingga ke zaman ini.

Menurut Razali Musa (2020:91) pertelingkahan antara golongan yang bermanhaj Salafiyah dan al-Asya'irah mula menempatkan diri dalam arus perkembangan Islam di Malaysia. Sejarah lama pertentangan antara Kaum Muda dan Kaum Tua berulang kembali. Meskipun ia tidak melibatkan kebanyakan masyarakat awam kerana mereka sendiri kurang tahu tentang manhaj salaf dan Asya'irah itu sendiri dalam akidah dan hanya melibatkan segelintir golongan ilmuan yang bermanhaj salaf dan Asya'irah sahaja namun jika dibiarkan, ia boleh mencetuskan perselisihan dalam skala yang lebih besar dan lebih teruk.

Tuduhan sesat dan kadangkala mengkafirkan antara mereka mula kedengaran. Kedua-dua golongan menggunakan pentas siber, seminar, majalah akhbar dan buku untuk menyampaikan pandangan masing-masing. Antara saluran media yang digunakan oleh gerakan al-Asya'irah untuk menyerang pemikiran gerakan Salafiyah contohnya, seperti majalah Milenia, seminar ASWJ yang bermotokan: "katakan tidak pada wahabi", laman-laman sesawang seperti alsubki.blogspot.com, salafiwahhabi.blogspot.com, alghari.blogspot.com, yayasansofa.com dan lain-lain lagi. Sementara saluran media gerakan Salafiyah seperti majalah i, Seminar Ahli Sunnah wal Jamaah Golongan Tauladan, Seminar Antarabangsa Mengenai Syeikh Muhammad Abdul Wahab, laman-laman sesawang seperti hafizfirdaus.com, alnidaa.com, drmazaza.com dan lain-lain lagi (Razali,2020:91).

Tujuan artikel ini dihasilkan adalah untuk menjelaskan golongan yang layak dimasukkan ke dalam ASWJ berdasarkan *masalah* ummah. Ini kerana banyak golongan mendakwa diri mereka sahaja yang termasuk ke dalam ASWJ dan menafikan golongan yang tidak sealaran dengan mereka sebagai termasuk ke dalam golongan tersebut. Padahal golongan tersebut juga

sama-sama beriman dengan asas keimanan dan Islam yang terdapat dalam al-Quran dan *al-Sunnah*. Mereka hanya berbeza dari segi pendekatan dan persoalan cabang sahaja.

SOROTAN LITERATUR

Setakat kajian pengkaji, tiada penulisan yang membincangkan secara khusus kriteria golongan yang layak digolongkan sebagai ASWJ berasaskan pertimbangan *maslahah* ummah. Sebaliknya, kajian terdahulu lebih menumpukan kepada perbezaan pendekatan dan metodologi antara aliran yang dikaitkan dengan ASWJ, khususnya antara Salaf dan Asya'irah. Kajian-kajian ini memberi tumpuan kepada aspek teologi dan prinsip akidah, termasuk pengurusan khilaf dan harmonisasi pandangan dalam kalangan ahli ilmu.

Antara karya utama yang dirujuk ialah *Manhaj Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah wa Manhaj al-Asya'irah fi al-Tawhid* (Muhammad Nur, 1995), *Fusul fi al-'Aqidah bayna al-Salafi wa al-Khalafi* (al-Qaradawi, 1995), *Naqd 'Aqa'id al-Asya'irah wa al-Maturidiyyah* (al-Ghamidi, 2009), *'Aqidah al-Asya'irah: Dirasah li Manzumah Jawharah al-Tawhid li Burhan al-Din al-Liqani* (al-Rudai'an, 2013), *al-Nazar al-Maqasidi wa Atharuhu fi Tadbir al-Ikhtilaf al-'Aqadi* (Buziyab, 2019) dan *Mengharmonikan Fanatik Mazhab di Malaysia* (Mahyudin et al., 2023). Karya-karya ini memberikan penekanan terhadap perbezaan akidah dan pendekatan aliran, termasuk pengiktirafan aliran yang sering dikategorikan sebagai Wahabiyah/Salafi, namun fokus mereka masih tertumpu kepada aspek perbandingan dan analisis cabang akidah.

Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai pengiktirafan ASWJ secara inklusif dan berasaskan *maslahah* ummah masih belum diterokai secara mendalam. Jurang ini menekankan kepentingan kajian semasa untuk menyediakan kerangka yang lebih menyeluruh dalam mengenal pasti golongan ASWJ sebenar, yang tidak hanya berdasarkan nama atau label aliran, tetapi juga pegangan asas keimanan, penghidupan sunnah Rasulullah SAW dan prinsip al-jamaah. Penemuan ini diharapkan dapat membantu mengurangkan kekeliruan dan ketegangan dalam masyarakat Islam semasa serta memperkukuhkan pemahaman konsep ASWJ secara akademik dan praktikal.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan **kualitatif** dengan kaedah **analisis dokumen** sebagai strategi utama pengumpulan data. Sumber data merangkumi kitab tafsir, hadis, karya pemikiran dan akidah berasaskan manhaj Salaf dan Asya'irah dari zaman dahulu hingga kontemporari, serta buku dan bahan ilmiah lain yang berkaitan dengan golongan ASWJ. Data dianalisis menggunakan gabungan **kaedah induktif, deduktif, dan komparatif** untuk mengenal pasti corak, persamaan, dan perbezaan dalam dokumen yang dikaji. Pendekatan ini membolehkan kajian menekankan kriteria pengiktirafan ASWJ sebenar dan menghubungkannya dengan perspektif *masalah* ummah secara sistematik, objektif, dan ilmiah.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Untuk memahami konsep ASWJ secara komprehensif, kajian ini merujuk kepada huraian para ulama dari zaman klasik hingga kontemporari.

Definisi *al-Sunnah*

Menurut al-Bayanuni (2011:10), ASWJ merangkumi dua komponen utama: *al-Sunnah* dan *al-Jamaah*. Secara bahasa, *al-Sunnah* bermaksud jalan, manakala secara istilah merujuk kepada petunjuk yang dibawa oleh Rasulullah SAW melalui perkataan, perbuatan, perakuan, dan situasi yang ditunjukkan. Ia juga merangkumi pengikut sunnah para Khulafak al-Rasyidin sebagaimana diperintahkan Rasulullah SAW (Abu Dawud:4607). Syeikh Abdullah al-Athari (1435H:33-35) menekankan bahawa lawan *al-Sunnah* ialah bidaah, iaitu rekaan yang bercanggah dengan al-Quran, *al-Sunnah* dan jalan para sahabat, sama ada dalam ibadah mahupun akidah.

Definisi *al-Jamaah*

Al-Jamaah dari segi bahasa bermaksud bilangan ramai atau sekumpulan manusia yang dikumpulkan untuk tujuan tertentu (al-Bayanuni, 2011:10). Dari segi istilah, *al-Jamaah* merujuk kepada golongan salaf yang dirahmati Allah SWT, termasuk sahabat, tabiin, dan imam-imam yang mengikuti jejak langkah mereka secara ikhlas dan jujur. Mereka berkumpul di atas landasan al-Quran dan *al-Sunnah* dalam aspek iktikad, ilmu, dan amalan zahir mahupun batin (Abdullah al-Athari, 1435H:34-35). Firman Allah SWT menekankan kepentingan perpaduan dalam *al-Jamaah*:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu...” (Ali Imran 3:103)

Hadis Nabi SAW turut menegaskan kepentingan bersatu dalam al-Jamaah dan menjauhi perpecahan (al-Tirmizi:2165). Pendapat ulama pula menyatakan bahawa al-Jamaah boleh merujuk kepada: sahabat sahaja (al-Ajurri; al-Lalika’i; al-Syatibi; Ibn Hajar), ulama yang boleh melakukan ijtihad (Ibn Hajar; al-Khatib; Suwaimil al-Sulami), Sawad al-A‘zam atau golongan majoriti yang menempuh jalan lurus, serta jemaah yang mentaati seorang amir (al-Lalika’i; al-Syahrustani).

Ahli *al-Sunnah* wa *al-Jamaah*

Secara keseluruhan, ASWJ merujuk kepada golongan yang berpegang teguh kepada sunah Nabi SAW, terdiri daripada sahabat, tabiin, imam yang mendapat petunjuk, dan umat Islam selepas mereka yang mengikuti manhaj ini baik dari segi iktikad mahupun amalan (Hamdi, t.th:19; Haji Abd Hadi Awang, 1991:27). Definisi ini menekankan inti pati pegangan, bukan sekadar nama atau zaman, dan merangkumi individu mahupun jemaah yang berada di atas landasan *al-Sunnah* dan *al-Jamaah*.

Penafian Golongan Yang Tidak Sealiran Sebagai Ahli *al-Sunnah* wa *al-Jamaah*

Sejak berabad-abad lalu, golongan yang bermanhaj Asya‘irah, Maturidiyyah, serta Salaf atau ahli hadis masing-masing mendakwa diri mereka sebagai ASWJ dalam isu-isu cabang akidah. Setiap pihak menegaskan bahawa mereka berada di atas landasan ASWJ yang sebenar, manakala pihak lain dianggap menyimpang. Contohnya, dalam persoalan al-Quran sebagai kalam Allah SWT, ahli hadis secara tegas menyatakan bahawa al-Quran merupakan kalam Allah SWT secara hakiki, bukan sekadar penceritaan atau ungkapan tentang kalam Allah (Abu al-Qasim al-Lalaka’i al-Syafi’i, 1409H.2:330). Golongan yang menolak pandangan ini dianggap menyeleweng daripada mazhab ASWJ.

Hafiz Abu Nasr al-Sajzi memperakui bahawa ASWJ ialah golongan ahli hadis berlandaskan manhaj Salaf sahaja, dan menolak golongan ahli kalam seperti Kullabiyah,

Asya'irah, dan Muktaizilah daripada termasuk dalam ASWJ (Khalid, 2005:73). Abu al-Wafa' Ibn Aqil turut mengeluarkan golongan Asya'irah daripada ASWJ, kerana mereka menolak nas al-Quran yang sarih, contohnya ayat-ayat yang menunjukkan Allah SWT bercakap secara langsung dengan Nabi Musa AS (al-Nisa' 4:164; al-A'raf 7:144) (Ibn Jawzi, 1992:181).

Sebaliknya, tokoh Asya'irah mendakwa bahawa mereka sahaja merupakan golongan ASWJ. Contohnya, Syeikh Abd Karim bin Hawazin al-Qusyairi menegaskan Asya'irah sebagai satu-satunya golongan ASWJ, berasaskan manhaj ahli hadis bagi menolak pihak yang menyelisihinya mereka (al-Subki, 1395H.3:374, 400). Syeikh Abu Ishak al-Syirazi al-Syafi'i mengiktiraf Asya'irah sebagai satu-satunya ASWJ dan menjadikan Abu al-Hasan al-Asy'ari sebagai imam mereka (al-Subki, 1395H.3:376). Al-Ghazali memutuskan bahawa mazhab Asya'irah mengenai sifat-sifat dan kalam Allah SWT adalah sebahagian daripada ASWJ (al-Ghazali, t.th.1:154), manakala Qadi Abu Bakar Ibn al-Arabi menjadikan Asya'irah sebagai ASWJ dan mengaitkan Hanabilah serta ahli hadis dengan golongan Musyabbihah (Ibn al-Arabi, 1981.2:282).

Penolakan dan dakwaan ini berterusan sehingga era kontemporari, menimbulkan kegelisahan dan kekeliruan dalam kalangan umat Islam mengenai siapa yang benar-benar layak digolongkan sebagai ASWJ.

Golongan Yang Termasuk Dalam Ahli *al-Sunnah wa al-Jamaah* Menurut Ulama Silam dan Kontemporari

Para ulama sejak zaman klasik hingga era kontemporari telah mengemukakan pelbagai pandangan berhubung penentuan golongan yang termasuk dalam ASWJ. Sebahagian ulama menghadkan ASWJ kepada golongan Asya'irah dan Maturidiyyah sahaja, manakala sebahagian yang lain meluaskan skopnya dengan merangkumi ahli hadis, Hanabilah, serta kelompok lain yang berada dalam lingkungan manhaj ASWJ. Perbezaan ini berpunca daripada perbezaan pendekatan epistemologi, khususnya dalam penggunaan dalil naqli dan aqli dalam perbincangan akidah. Pendapat beberapa tokoh utama dapat diuraikan seperti berikut.

i. Imam 'Abd al-Qahir al-Baghdadi

Menurut al-Baghdadi (2008:253-255), golongan ASWJ tidak terbatas kepada Asya'irah dan Maturidiyyah semata-mata, bahkan merangkumi lapan kelompok utama yang berkongsi prinsip

akidah yang selari dengan al-Quran dan *al-Sunnah* serta bebas daripada unsur tasybih, ta'til dan bidaah. Golongan tersebut ialah:

- a. Ahli kalam yang sederhana, termasuk Asya'irah dan Maturidiyyah, yang menolak fahaman ekstrem seperti Rafidah, Khawarij, Jahmiyyah dan al-Najjariyyah.
- b. Ahli fiqah daripada pelbagai mazhab, sama ada al-Ra'yi atau al-Hadis, seperti Imam Malik, al-Syafi'i, Ahmad bin Hanbal, al-Awza'i dan al-Thawri, yang berpegang dengan ithbat sifat tanpa tasybih.
- c. Ahli hadis, antaranya al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud dan al-Tirmizi, yang menjauhi fahaman hawa nafsu.
- d. Ahli bahasa Arab, seperti Sibawayh dan al-Khalil al-Farahidi.
- e. Ahli qiraat al-Quran, seperti Hafs dan 'Asim.
- f. Golongan zuhud dan tasawuf yang berpegang dengan syariat, seperti al-Junayd dan al-Hasan al-Basri.
- g. Golongan ribat, iaitu mereka yang mempertahankan sempadan umat Islam.
- h. Orang awam, yang mengikuti ulama ASWJ dan hidup di bawah syiar ASWJ.

Pendekatan al-Baghdadi ini menunjukkan bahawa ASWJ difahami secara luas dan merangkumi pelbagai disiplin ilmu selagi berpaksikan prinsip akidah yang sah.

ii. Imam al-Bakki al-Kumi (w. 916H)

Al-Bakki al-Kumi (t.th:40-41) pula membahagikan ASWJ kepada tiga kelompok utama:

- a. Ahli hadis, yang menjadikan al-Kitab, *al-Sunnah* dan ijmak sebagai sumber utama.

- b. Ahli nazar dan pemikiran, iaitu Asya'irah dan Maturidiyyah, yang menggabungkan dalil aqli dan naqli dalam mempertahankan akidah.
- c. Ahli tasawuf, yang bermula dengan pendekatan hadis dan akal, kemudian mencapai tahap kasyaf dan ilham tanpa menyalahi syariat.

Pembahagian ini menunjukkan kesepaduan antara pendekatan tekstual, rasional dan spiritual dalam kerangka ASWJ.

iii. Al-Bajuri

Al-Bajuri (t.th) menegaskan bahawa mazhab akidah yang sah ialah yang berpegang dengan fahaman ASWJ, khususnya Asya'irah dan Maturidiyyah, kerana kedua-duanya menyeimbangkan antara dalil naqli dan dalil aqli. Mazhab ini dianggap sebagai teras utama pegangan akidah umat Islam sejak era klasik hingga kini.

iv. Ulama Kontemporari: Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Menurut Haji Abdul Hadi Awang (2020), ASWJ merangkumi beberapa aliran utama yang berbeza dari segi pendekatan, namun berkongsi asas akidah yang sama:

a. Aliran Salaf

Golongan ini merujuk kepada generasi awal Islam dan mereka yang mengikuti manhaj sahabat, tabi'in dan tabi' al-tabi'in. Mereka berinteraksi dengan ayat-ayat mutasyabihat tanpa takwil tafsili, sebaliknya menyerahkan maknanya kepada Allah SWT (tafwid), selaras dengan ayat Ali 'Imran (3):7.

b. Aliran Asya'irah

Diasaskan oleh Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari, aliran ini menggunakan hujah akal bagi mempertahankan nas syarak dan menolak fahaman Muktazilah. Asya'irah menekankan 13 sifat

wajib bagi Allah dan memainkan peranan penting dalam mempertahankan akidah ASWJ secara intelektual.

c. Aliran Maturidiyyah

Diasaskan oleh Imam Abu Mansur al-Maturidi, aliran ini berakar dalam mazhab Hanafi dan lebih cenderung kepada pendekatan Imam Abu Hanifah dalam akidah. Ia berkembang pesat di wilayah Asia Tengah dan menekankan keharmonian antara wahyu dan akal.

d. Salaf Muta'akhkhirin

Golongan ini muncul pada kurun ketujuh Hijrah dan diterajui oleh Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim. Mereka menekankan ithbat sifat berdasarkan nas tanpa takwil serta menolak unsur-unsur yang boleh membawa kepada syirik dan bidaah.

e. Wahhabiyyah

Golongan ini dikaitkan dengan Syeikh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab dan dianggap sebagai kesinambungan manhaj salaf. Penekanan utama mereka ialah pemurnian tauhid dan penolakan bidaah, di samping membuka ruang ijtihad bagi yang berkelayakan.

Maslahah Ummah

Maslahah ummah merujuk kepada kemaslahatan umum yang bersifat kolektif bagi masyarakat Islam, iaitu segala perkara yang membawa manfaat serta menolak kemudaratan demi kesejahteraan umat secara menyeluruh. Konsep ini berakar daripada prinsip *maqasid al-syariah* yang menekankan pemeliharaan lima kepentingan asas, iaitu agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-'aql*), keturunan (*al-nasl*) dan harta (*al-mal*). Justeru, *maslahah* ummah mencerminkan usaha-usaha yang berorientasikan kepentingan awam merentasi pelbagai dimensi kehidupan seperti sosial, politik, ekonomi dan pendidikan, selagi mana ia selari dengan prinsip dan tujuan syariah (Kamali, 2008).

Al-Quran secara jelas memberi penekanan terhadap prinsip *maslahah* dan penolakan *mafsadah*. Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Dan tidaklah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat bagi sekalian alam” (al-Anbiya’ 21:107).

Ayat ini menggambarkan bahawa syariat Islam diturunkan berteraskan konsep rahmah yang meliputi kebaikan, kesejahteraan dan kemaslahatan manusia sejagat, sekali gus menjadi asas utama kepada pengiktirafan *maslahah* sebagai objektif syariah.

Penekanan terhadap *maslahah* turut ditegaskan dalam *al-Sunnah*. Rasulullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: “Tidak boleh memberi mudarat dan tidak boleh membalas mudarat” (Ibn Majah, 2340).

Hadis ini menjadi prinsip asas dalam penetapan hukum syarak, khususnya dalam menolak sebarang bentuk kemudaratan yang bercanggah dengan *maslahah*. Oleh itu, hukum-hakam Islam dirangka bagi merealisasikan kebaikan serta mencegah kerosakan dalam kehidupan individu dan masyarakat.

Para ulama *Usul Fiqh* juga meletakkan *maslahah* sebagai teras utama dalam memahami tujuan pensyariaan. Al-Ghazali (1993:139) mendefinisikan *maslahah* sebagai usaha memelihara tujuan-tujuan syarak yang merangkumi lima kepentingan asas tersebut. Menurut beliau, segala perkara yang menjamin kelangsungan dan perlindungan terhadap kepentingan ini dikira sebagai *maslahah*, manakala perkara yang menafikannya dianggap sebagai *mafsadah*. Pendekatan ini menegaskan bahawa *maslahah* ummah merupakan landasan penting dalam menilai isu-isu keagamaan dan sosial yang melibatkan kepentingan umat Islam secara kolektif.

Golongan Yang Boleh Dimasukkan ke Dalam Ahli *al-Sunnah wa al-Jamaah* Berdasarkan *Maslahah* Ummah

Berdasarkan perbincangan terdahulu, dapat dirumuskan bahawa dalam konteks semasa, demi menjaga *maslahah* ummah dan kepentingan kolektif umat Islam, wujud keperluan untuk mengambil pendekatan yang lebih inklusif terhadap pelbagai aliran yang masih berada dalam lingkungan prinsip-prinsip asas ASWJ. Perbezaan dari sudut pendekatan, metodologi atau perincian mazhab tidak sewajarnya dijadikan asas untuk menafikan keabsahan sesuatu aliran sebagai sebahagian daripada ASWJ, selagi mana ia berpegang kepada asas akidah, sumber

syariah dan kesatuan umat. Berdasarkan pertimbangan tersebut, golongan-golongan berikut wajar dimasukkan dalam kerangka ASWJ:

i. Golongan Salafi (Salafiyyah)

Golongan Salafi menekankan kepentingan kembali kepada kefahaman generasi awal Islam (salaf al-salih), khususnya dalam aspek tauhid, ibadah dan akhlak. Pendekatan mereka berteraskan al-Quran, *al-Sunnah*, ijmak dan kefahaman para sahabat, tabiin serta tabi' tabiin, di samping penolakan terhadap amalan bidaah. Walaupun sebahagian pendukung aliran ini dilihat tegas dalam isu khilafiyah dan cenderung kepada pendekatan literal, mereka tetap mengiktiraf autoriti hadis dan ijmak ulama. Golongan ini merangkumi bukan sahaja generasi salaf terdahulu, malah tokoh-tokoh kemudian seperti Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, serta gerakan kontemporari yang berusaha menghidupkan manhaj salaf, termasuk golongan Wahhabiyyah dan yang seumpamanya.

ii. Golongan Asya'irah dan Maturidiyyah

Asya'irah dan Maturidiyyah merupakan dua aliran teologi utama dalam tradisi ASWJ yang dominan sepanjang sejarah Islam. Kedua-duanya diterima secara meluas di kebanyakan wilayah dunia Islam seperti Mesir, Turki, Afrika Utara dan Asia Tenggara. Pendekatan kedua-dua aliran ini bersifat sederhana dengan mengharmonikan dalil naqli dan aqli dalam mempertahankan akidah Islam, khususnya dalam menghadapi cabaran aliran rasionalis melampau dan literal ekstrem. Sama ada dalam konteks sejarah kemunculan aliran ini atau dalam bentuk pengamalan kontemporari, Asya'irah dan Maturidiyyah kekal sebagai teras penting dalam kerangka ASWJ.

iii. Mazhab Fiqh Empat dan Para Pendukungnya

Empat mazhab fiqh utama, iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali, bersama para ulama serta pengikutnya, membentuk struktur asas fiqh ASWJ. Mazhab-mazhab ini menjadi rujukan utama dalam penggubalan hukum-hakam syariah dan diamalkan secara meluas dalam dunia Islam. Di rantau Nusantara khususnya, mazhab Syafi'i memainkan peranan dominan dalam pembentukan amalan keagamaan masyarakat Islam, sekali gus menyumbang kepada kestabilan dan keseragaman dalam pelaksanaan syariah.

iv. Gerakan Dakwah Kontemporari yang Tidak Menyimpang Akidah

Selain itu, beberapa gerakan dakwah semasa seperti Jemaah Tabligh, Ikhwan Muslimin, Nahdlatul Ulama, Hizbul Nur dan seumpamanya juga boleh dimasukkan dalam kerangka

ASWJ, selagi mana mereka tidak menyimpang daripada asas akidah Islam. Walaupun berbeza dari segi metodologi dakwah, pendekatan tarbiah dan keutamaan fiqh, gerakan-gerakan ini secara umumnya berusaha menghidupkan sunnah, memelihara perpaduan umat dan beroperasi dalam lingkungan prinsip akidah, fiqh dan tasawuf ASWJ.

Sebab-Sebab Golongan Tersebut Dimasukkan ke Dalam *Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah*

Berdasarkan pertimbangan *masalah* ummah dan prinsip-prinsip asas ASWJ terdapat beberapa justifikasi utama yang menyokong kemasukan golongan-golongan tersebut dalam kerangka ASWJ, antaranya adalah seperti berikut:

i. Menjaga Kesatuan Umat (*al-Jamaah*)

Kesatuan umat merupakan prinsip asas dalam Islam, manakala perpecahan hanya akan melemahkan kekuatan umat serta membuka ruang kepada ancaman dan pengaruh luar. Al-Quran dengan jelas melarang perpecahan dan menyeru umat Islam agar berpegang teguh kepada agama Allah SWT secara kolektif (Kamali, 2003). Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai” (Ali ‘Imran, 3:103).

Justeru, pendekatan inklusif terhadap kepelbagaian aliran yang masih berada dalam lingkungan ASWJ adalah selari dengan tuntutan syarak untuk memelihara kesatuan umat.

ii. Perkongsian Usul ASWJ Walaupun Berbeza Pendekatan

Kesemua golongan yang dibincangkan berpegang kepada usul akidah ASWJ yang sama, meskipun berbeza dari sudut pendekatan metodologi dan perincian mazhab. Mereka beriman dengan rukun iman dan rukun Islam, mengiktiraf al-Quran dan *al-Sunnah* sebagai sumber utama syariah, serta menerima ijmak dan qias sebagai hujah dalam penetapan hukum (al-Qaradawi, 1999). Perbezaan dalam isu cabang dan pendekatan tidak seharusnya menjadi asas untuk menafikan kesatuan asas pegangan mereka.

iii. Pengaplikasian Kaedah *Usul Fiqh: Ma la yatimmu al-wajib illa bihi fa huwa wajib*

Kaedah ini menegaskan bahawa sesuatu perkara yang menjadi wasilah kepada pelaksanaan kewajipan turut dihukumkan sebagai wajib. Memandangkan pemeliharaan perpaduan umat

merupakan satu tuntutan syarak, maka menerima kepelbagaian aliran yang berpegang kepada ASWJ menjadi satu keperluan bagi merealisasikan kewajipan tersebut. Pendekatan ini selari dengan pandangan ulama *usul fiqh* yang menekankan kepentingan *maslahah* dalam menjaga kestabilan dan keharmonian umat (al-Ghazali, 1993).

iv. Pengutamaan Kaedah Fiqh: *Dar'u al-mafāsīd muqaddam 'ala jalb al-maṣāliḥ*

Kaedah fiqh ini menetapkan bahawa menolak keburukan hendaklah didahulukan daripada meraih kebaikan. Dalam konteks semasa, sikap saling menyesatkan, menuduh bidaah dan melakukan takfīr sesama umat Islam membawa kepada mafsadah yang besar. Oleh itu, menolak perpecahan dan polemik akidah yang berlebihan lebih utama demi menjaga *maslahah* ummah, sebagaimana ditegaskan oleh Ibn Taimiyyah (1995) dalam pendekatannya terhadap *fiqh al-ikhtilaf*.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dalam konteks realiti umat Islam semasa yang berhadapan dengan cabaran perpecahan pemikiran dan kepelbagaian pendekatan, pertimbangan *maslahah* ummah menuntut satu pendekatan yang bersifat inklusif dan berimbang. Oleh itu, golongan-golongan yang masih berpegang teguh kepada asas akidah, syariah dan akhlak Islam dalam kerangka ASWJ wajar diterima sebagai sebahagian daripada ASWJ, meskipun terdapat perbezaan dari sudut metodologi, pendekatan atau perincian mazhab. Keutamaan utama ialah pemeliharaan kesatuan umat, toleransi dalam perkara khilafiah serta penolakan sikap takfīr dan eksklusivisme melampau, selagi mana prinsip-prinsip asas agama tidak dicangahi.

Berdasarkan pertimbangan *maslahah* ummah, ASWJ dapat difahami sebagai golongan yang berpegang teguh kepada *al-Sunnah* Nabi Muhammad SAW serta jalan orang-orang yang mengikuti baginda dalam kalangan para sahabat, tabi'īn dan generasi selepas mereka yang istiqamah mengikuti jejak langkah tersebut. Pegangan ini merangkumi aspek iktikad, ucapan dan amalan, serta komitmen untuk menjauhkan diri daripada penyimpangan yang bercanggah dengan prinsip-prinsip asas syariah. Golongan yang konsisten dengan manhaj ini digambarkan oleh para ulama sebagai golongan yang berada di atas petunjuk, manakala penyimpangan daripadanya membawa kepada kesesatan.

Sehubungan itu, ASWJ merangkumi pelbagai kelompok yang berpaksikan *al-Sunnah* dan manhaj generasi awal umat Islam, sama ada daripada golongan salaf terdahulu mahupun mereka yang datang kemudian dan berusaha mengikuti manhaj salaf dalam kerangka yang sah.

Ini termasuklah golongan Asya'irah dan Maturidiyyah dalam bidang akidah, ahli hadis, ahli tasawuf yang berdisiplin dengan syariah, para ulama mazhab empat serta para pendukungnya, di samping gerakan dan pertubuhan dakwah semasa yang tidak menyimpang daripada asas-asas tersebut. Kepelbagaian ini, apabila diurus dengan neraca *masalah* ummah dan adab al-ikhtilaf, berperanan memperkukuh keharmonian serta kestabilan umat Islam secara keseluruhan.

RUJUKAN

- al-Ajurri, Abu Bakar.(t.th). *al-Syariah*. Tahqiq: Muhammad Hamid al-Fiqi. Pakistan: Faisalabad.
- al-Akiti, Muhammad Aiman. (2022). *Man Hum Ahl al-Sunah awa al-Jamaah, Selanjur Namuzajan*. Slide pembentangan. Selangor: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- al-Athari, Abdullah bin Abd al-Hamid.(1435H). *al-Wajiz Fi 'Aqidah al-Salaf al-Salih Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Turki: Al-Dar al-Athariyyah Li al-Tarjumah wa al-Tiba'ah wa al-Nasyri.
- al-Baghdadi, Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. (2008). *Al-Farq Bayna al-Firaq*. al-Qahirah: Maktabah Ibn Sina.
- al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad. (t.th). *Hasyiyah al-Bajuri 'Ala Ummi al-Barahin*. Al-Maktabah al-Hasyimiyyah.
- al-Bakki al-Tunisi, Abu Abdillah Muhammad bin Abi al-Fadl Qasim. (t.th). *Tahrir al-Matalib Lima Tadammannathu 'Aqidah Ibn Hajib*. Tahqiq: Nizar Hamadi. Beirut: Dar al-Ma'arif Li al-Tiba'ah wa al-Nasyri.
- al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. (2011). *Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah Bayna al-Tawsi' wa al-Tadyiq*. Al-Kuwait: Dar Iqra'.
- Dato' Seri Tuan Guru Haji Abd Hadi bin Awang Muhammad. (2020). *Mukhtasar Mazhab Aqidah dan Firqah Umat Islam*. Rusila: Maktabaah Barakat Enterprise.
- al-Ghazali, Abu al-Hamid. (1993). *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Haji Abd Hadi Awang. (1991). *Beriman Kepada Qadak dan Qadar*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Hamdi, Ahmad. (t.th). *Mustalah Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah wa 'Alaqatuhu Bi al-Asya'irah wa al-Maturidyah*. Majallah al-Jam'iyah al-Falsafiyah al-Misriyyah. Thn.29. bil.29.
- Ibn al-'Arabi, Abu Bakar.(1981). *al-'Awasim Mina al-Qawasim*. al-Jaza'ir: al-Syarikah al-Wataniyyah Li al-Nasyri Wa al-Tawzi'.
- Ibn Hajar al-Asqalani, (t.th). *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*. Al-Qahirah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- Ibn Hajar al-Asqalani, (1325H). *Tahzib al-Tahzib*. India: Matba'ah Majlis al-Ma'arif Haidarabad.

- Ibn Jawzi, Jamal al-Din Abu al-Faraj Abd al-Rahman.(1992). *Sayd al-Khatir*. Beirut; Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Ismail bin Kathir. (1419H). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Cet.1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad. (1995). *Majmu’ al-Fatawa*. Jil.3. Riyad: Dar al-‘Alamiyyah.
- Kamali, M. H. (2003). *Principles of Islamic Jurisprudence*.3rd ed. Cambridge: Islamic Texts Society.
- Kamali, M. H. (2008). *Maqasid al-Syari’ah Made Simple*. London: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Khalid, Allal Kabir. (2005). *Al-Azmah al-‘Aqidiyyah Bayna al-Asya’irah wa Ahli al-Hadith*. Al-Jaza’ir: Dar al-Imam Malik.
- al-Khatib al-Baghdadi, (t.th). *Syaraf Ashab al-Hadith*. Tahqiq: Muhammad Khatib Ughli. Dar Ihya’ al-Sunnah al-Nabawiyyah.
- al-Lalika’i, Abu al-Qasim bin Hibah Allah bin al-Hasan. (1409H). *Syarah Usul I’tiqad Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah*. Al-Riyad: Dar Tayyibah Li al-Nasyri wa al-Tiba’ah.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. (1999). Keputusan fatwa Mengenai Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1999). *Kayfa Nata’amal ma’a al-Turath wa al-Tamazhub wa al-Ikhtilaf*. al-Qahirah: Dar al-Syuruq.
- Razali Musa. (2020). *Isu Perselisihan Antara Gerakan Salafiyah dan Al-Asya’irah: Analisis Pendekatan Ulama Ahl Sunnah Wa Al-Jamaah*. Jurnal Peradaban Islam, Vol. 1 No. 1. (Ogos).
- al-Subki, Taqi al-Din Ali bin Abd al-Kafi.(1395H). *Syifa’ al-Saqam*. Lajnah al-Turath al-‘Arabi.
- Suwaimil al-Sulami, (1417H). *Haqiqah al-Tawhid Bayna Ahli al-Sunnah wa al-Mutakallimin*. Makkah: Jami’ah Ummu al-Qura.
- al-Syahrustani, (t.th). *Nihayah al-Iqdam Fi Ilmi al-Kalam*. Holand: Liden.
- al-Syatibi, Abu Ishak.(1412H). *al-I’tisam*. Dar Ibn Affan.